

**UCAPAN YBHG PROFESOR DATUK DR AHMAD YUSOFF BIN  
HASSAN, NAIB CANSELOR UTeM,  
DI MAJLIS HARI RAYA AIDILFITRI PERINGKAT UNIVERSITI TAHUN  
2009/1430 HIJRAH  
DI DEWAN BESAR UTeM, KAMPUS INDUK  
PADA 14 OKTOBER 2009**

---

Bismillahirrahmanirahim

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera

Saudara/saudari Pengacara Majlis

Tuan Yang Terutama Tun Datuk Seri Utama Mohd Khalil Bin Yaakob,  
Canselor, Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) dan Yang Amat  
Berbahagia Toh Puan Dato' Datin Seri Utama Zurina binti Kassim.

Terlebih dahulu seluruh warga Universiti Teknikal Malaysia Melaka  
merakamkan ucapan terima kasih kepada Tuan Yang Terutama Tun

Canselor kerana sudi hadir pada Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri Peringkat Universiti Tahun 2009/1430 hijrah pada hari ini. Kesudian Tuan Yang Terutama Tun dan Toh Puan berdua hadir ke majlis ini amat besar maknanya buat kami semua di UTeM ini.

Kami juga mengambil kesempatan ini mengucapkan tahniah di atas Sambutan Ulang Tahun Kelahiran Tuan Yang Terutama Tun ke 71 baru-baru ini. Terima kasih kerana Tuan Yang Terutama Tun sudi mengurniakan bintang kebesaran kepada saya dan beberapa staf yang lain. Inshaallah dengan pengiktirafan yang diberi, saya berserta warga universiti akan berusaha dengan lebih gigih lagi untuk menjayakan pembangunan UTeM. Kami memohon kehadiran Allah SWT supaya memberikan kesihatan yang alfiat kepada Tuan Yang Terutama Tun dan seisi keluarga, inshaallah.

Tuan Yang Terutama Tun,

Saya memohon izin untuk menyampaikan ucapan kepada tetamu-tetamu yang hadir.

YBhg Dato' Dr Mohd Taib bin Hashim

Pengerusi Lembaga Pengarah UTeM

Yang Berhormat Datuk Hj Yaakob Bin Md Amin, Pengerusi Jawatankuasa Negeri Pelajaran, Sains & Teknologi, Melaka.

Yang Berhormat Datuk Abd Wahab bin Abd Latif, Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Negeri Pelajaran, Sains & Teknologi Melaka, Merangkap ADUN Durian Tunggal.

Ahli-Ahli Lembaga Pengarah UTeM

YBhg Dato' Profesor Dr Mohd Nor bin Husain

Timbalan Naib Canselor, Akademik dan Antarabangsa

YBhg Datuk Profesor Madya Dr Abu Bakar Mohamad Diah

Timbalan Naib Canselor, Penyelidikan dan Inovasi

Dif-Dif Kehormat, para jemputan, kakitangan-kakitangan dan pelajar-pelajar UTeM serta para hadirin yang dihormati sekalian

**ALLAH HU AKBAR, LAI ILAAHA ILLAHU WALLAHU AKBAR, ALLAHU  
AKBAR, WALILLAH HILHAMD**

Besyukur kita ke hadrat Allah SWT yang telah melimpahkan rezeki serta memberi pelbagai kurniaan dan nikmat yang tidak terhitung selama ini. Dengan sifat Rahman dan Rahimnya maka kita dipertemukan lagi pada Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri Peringkat Universiti Tahun 2009 atau 1430 hijrah pada hari ini.

Terlebih dahulu saya bagi pihak Pengurusan Universiti mengambil kesempatan ini untuk mengalu-alukan kehadiran semua para tetamu jemputan, staf dan pelajar yang telah sudi hadir melapangkan masa ke majlis yang sederhana ini tetapi cukup meriah dan ceria.

Bagi pihak Pengurusan Universiti, sekali lagi saya mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri, Maaf Zahir dan Batin kepada semua yang hadir. Marilah kita mengambil kesempatan dan peluang melalui perhimpunan ini untuk beramah mesra, bermaaf-maafan dan mengeratkan lagi silaturrahim sesama kita dalam satu keluarga UTeM yang besar, tidak kira sama ada

dari peringkat atasan universiti, tenaga pengajar, kakitangan pentadbiran ataupun pelajar. Semoga perhimpunan ini juga dapat merealisasikan harapan dan hasrat mencapai matlamat 1 Malaysia yang diwar-warkan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia.

Para hadirin yang dihormati sekalian,

Pada majlis yang berlangsung ini, perkara yang sentiasa menjadi perhatian saya ialah melihat keakraban dan hubungan rapat di antara warga universiti. Saya berasa sungguh bangga dan gembira berada di kalangan warga UTeM pada setiap kali acara keramaian berlangsung. Keakraban yang dipamerkan oleh warga UTeM sentiasa mesra dan intim, yang secara langsung menunjukkan semangat *esprit de corp* di antara kita dan juga menyemai rasa sayang terhadap universiti yang menjadi kebanggaan kita ini.

Saya percaya keakraban hubungan ini timbul hasil daripada semangat kerjasama yang ditunjukkan oleh seluruh warga universiti pada setiap kali kita diamanahkan dengan kerja dan tanggungjawab bagi menjayakan agenda universiti. Baru-baru ini kita telah dapat menjayakan Majlis

Konvokesyen ke 5 UTeM dan pada masa yang sama kita juga menjayakan Pesta Konvokesyen. Bagi menjayakan majlis-majlis sebegini kita amat memerlukan komitmen semua pihak, dan alhamdulillah kita telah berjaya melakukannya secara muafakat.

Hadirin dan hadirat yang dihormati

Sempena sambutan Hari Raya Aidilfitri ini, saya ingin menyeru kepada seluruh warga UTeM supaya menyumbang dan memainkan peranan masing-masing ke arah menjayakan pelaksanaan misi dan visi universiti. Kita berwawasan untuk menjadikan UTeM sebagai sebuah universiti yang terunggul bukan sahaja di negara ini atau di rantau ini, malahan pada peringkat dunia dalam jangka masa panjang.

Dalam sesebuah organisasi, adalah menjadi lumrah wujudnya pelbagai pandangan dan perbezaan pendapat berkaitan sesuatu perkara atau isu yang timbul. Masing-masing mempunyai hujah dan idea untuk diketengahkan. Ia menunjukkan bahawa staf UTeM mempunyai keazaman yang tinggi serta sentiasa bersedia untuk memberikan komitmen yang terbaik terutamanya dalam bentuk curahan idea yang sangat dialu-alukan.

Walau bagaimanapun kita perlu membuat satu keputusan yang terbaik untuk universiti secara musyawarah, dan sesuatu keputusan yang dibuat telah mengambil kira semua pandangan yang diketengahkan oleh semua pihak.

Keputusan-keputusan ini dibuat secara kolektif demi kepentingan universiti bagi merealisasikan visi universiti untuk menjadi universiti teknikal yang kreatif dan inovatif terkemuka di dunia. Untuk itu, keputusan yang telah dibuat oleh pihak pengurusan universiti perlu dilaksanakan serta dihayati oleh semua staf dengan mengambil tindakan segera lagi efisien bagi mempercepatkan pembangunan UTeM.

Perkara ini tidak dapat dilaksanakan sekiranya kita tidak mempunyai staf yang benar-benar kompeten dan bersungguh-sungguh serta sanggup menyetepikan segala perbezaan pandangan demi pembangunan pesat universiti. Kita perlu meletakkan kepentingan universiti mengatasi kepentingan lain sebagai syarat untuk melihat UTeM ini dihormati di persada antarabangsa.

Para hadirin yang dihormati sekalian

Akhir kata saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada seluruh ahli jawatankuasa majlis sambutan hari raya aidilfitri yang telah menunjukkan komitmen yang tinggi menzahirkan majlis ini berlangsung dengan meriah sekali.

Sebelum berundur, dua kerat pantun dari saya :

Sungguh Meriah di Hari Raya

Tun Canselor Turut Bersama

Budi Tun Takkan Dilupa

Banyak Sungguh Membuat Jasa

Negeri Melaka Cantik Berseri

Mata Memandang Hati Gembira

Pelbagai Hidangan di Aidilfitri

Sambil Menjamu Maaf Ku Pinta

Sekian, wabillahitaufik walhidayah wassalammualaikum warahmatullahi  
wabarakatuh. Terima kasih.